



Oleh MELATI MOHD. ARIFF

ISU

# Mentaliti kelas ketiga sudah berakar umbi

Kosmo  
5/8/17  
mls 27

**A**PA yang hendak dihairankan apabila vandalisme dilaporkan berlaku di beberapa buah stesen Transit Aliran Massa (MRT) yang belanja pembinaannya menelan belanja sekitar RM20 bilion?

Saya tidak terkejut apabila tular berita vandalisme termasuk pada bangku, dinding dan tandas hanya sekitar lima hari selepas MRT Sungai Buloh-Kajang (SBK) dilancarkan. Insiden ini gara-gara sikap buruk segelintir warga kota seperti

itu sudah berakar umbi begitu lama. Cambahannya semakin menular.

Mentaliti kelas ketiga ini pun sudah banyak kali dibincang dan dibahas.

Namun ia boleh dikatakan bagi 'mencurah air ke daun keladi', 'masuk



MRT yang menjadi lambang kemajuan negara tidak seharusnya dipalit dengan insiden vandalisme yang menyerlahkan mentaliti kelas ketiga dalam kalangan rakyat negara ini.  
- Gambar hiasan



NAJMUDDIN

sedang dibuat untuk menjejak pelaku vandalisme itu.

Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik dan Hal Ehwal Dibah

telinga kanan, keluar telaga kiri' dan banyak lagi kiasan berkait isu ini.

Hendak tengok sikap buruk ini tidak payah pergi jauh. Lihat dulu kawasan kejiranan kita. Perhatikan sahaja jika ada perhentian bas, tiang lampu, lampu isyarat, longkang, taman permainan dan kawasan riadah.

Apa yang anda akan lihat? Sudah tentu contengan, goresan dan pelbagai tampalan iklan termasuk nombor telefon ah long serta peralatan yang tercabut serta sampah sarap.

Baru-baru ini penulis menyusuri laluan tingkat bawah sebuah pangsapuri di Ampang, Selangor. Amat menyedihkan melihat persekitarannya. Longgokan sampah di sana sini. Tempat tong sampah pula tidak usah cakap, betapa kotor.


Walhal sekiranya ada kesedaran kebersihan dalam kalangan penduduk, sudah tentu mereka boleh mengambil inisiatif melakukan gotong-royong dan menjaga rapi kawasan sekitar, antaranya untuk mengelakkan wabak denggi.

Masyarakat perlu ambil peduli keadaan persekitaran kediaman masing-masing dan jangan mengharapkan pihak berkuasa melakukan kerja-kerja pembersihan.

Isu kebersihan juga perlu ditangani di rumah-rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA). Kemudahan awam seperti lif dan telefon awam juga perlu dipantau.

Ada kalanya kita melihat dari jauh bangunan PPR yang cantik kerana projek cat semula tetapi jika ditinjau di kawasan perumahan, jangan terkejut jika melihat persekitaran yang jauh berbeza daripada yang dilihat dari luar.

Isu kerosakan lif atas apa juga sebab



**MASALAH vandalisme di stesen-stesen MRT perlu ditangani dengan tegas.**  
- Gambar hiasan

termasuk vandalisme di PPR atau PA akan hanya mendapat perhatian jika berlaku krisis air apabila penduduk terpaksa menggunakan tangga untuk mengangkut air disebabkan lif yang rosak!

### Hukuman

Berbalik kepada vandalisme yang berlaku di stesen MRT, pihak berkuasa dan agensi yang menguruskan premis berkenaan perlu mengambil tindakan tegas ke atas sesiapa yang ditangkap melakukan kerosakan itu.

Perkara ini tidak boleh dibiarkan membarah kerana sikap buruk ini boleh merebak memandangkan ribuan orang menggunakan khidmat MRT setiap hari.

MRT Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp) dilaporkan memasang 6,018 unit sistem televisyen litar tertutup (CCTV) di MRT Sungai Buloh-Kajang dan usaha

Strategik dan Hal Ehwal Pihak Berkepentingan MRT Corp, Datuk Najmuddin Abdullah dilaporkan berkata, tindakan tegas boleh diambil ke atas pelaku vandalisme mengikut Seksyen 425 Kanun Keseksaan kerana khianat.

Pesalah, katanya, boleh dihukum penjara sehingga tiga bulan jika sabit kesalahan.

Eloklah juga jika pesalah itu dikenakan hukuman membersihkan serta mencuci stesen MRT dengan digantungkan pelekat 'Saya pesalah vandalisme' supaya menjadi pengajaran kepada pengguna MRT yang lain.

Didikan untuk tidak melakukan vandalisme perlu bermula dari rumah. Jika di rumah anak dibiarkan melakukan sesuka hati sehingga merosakkan kerusi meja dan menconteng di sana sini, bagaimana untuk mengharapkan anak ini dapat mengawal kelakuannya di luar rumah?

Pernah penulis menegur dua kanak-kanak yang bermain di papan kekunci mesin ATM, menekan di sana-sini sedangkan ibu bapa mereka ada berhampiran sedang beratur menunggu giliran untuk menggunakan mesin itu.

Tidak pun mereka menegur anak mereka sehinggakan penulis yang tidak tahan melihat gelagat kanak-kanak itu menghampiri dan menegur mereka supaya menghentikan perbuatan mereka.

Sedikit pun ibu bapa mereka tidak berkata apa-apa atau menegur anak-anak tadi.

Maaf cakap, mentaliti ibu bapa ini sudah tentu tidak akan dapat mendidik anak untuk menjadi warga kelas pertama!

- Bernama